

9H7M ATHENS + BALKANS

Greece - Macedonia - Bulgaria - Turkiye

SOKA
MUSLIM FRIENDLY TRAVEL

TOUR CODE:
WA107-G9



DELPHI MERUPAKAN SALAH SATU TAPAK ARKEOLOGI PALING PENTING DI YUNANI DAN TELAH DIKTIKRAF SEBAGAI TAPAK WARISAN DUNIA UNESCO SEJAK TAHUN 1987. IA MENJADI DESTINASI PELANCONGAN YANG MENARIK BAGI MEREKA YANG INGIN MENYELAMI SEJARAH, MITOS, DAN KEINDAHAN TAMADUN YUNANI PURBA.

9H7M

ATHENS + BALKANS

Athens - Delphi - Kalambaka - Skopje - Sofia - Istanbul

SOKA
MUSLIM FRIENDLY TRAVEL

TOUR CODE:
WA107-G9

HARI 01 KUALA LUMPUR - SHARJAH - ATHENS

Berkumpul di KLIA untuk menaiki penerbangan ke Athens (transit di Sharjah).

HARI 02 ATHENS

SP/MM

Lawatan di **Athens**:

- **Hellenic Parliament**: Bangunan parlimen yang terletak di Dataran Syntagma, Athens ini dibina pada tahun 1843. Dahulunya merupakan istana diraja bagi Raja Otto I, kini menjadi pusat pentadbiran politik Greece.
- **National Archaeological Museum**: Dibuka pada tahun 1889 di Athens, muzium ini menyimpan koleksi artifak purba terbesar di Greece dari zaman prasejarah hingga Rom.
- **Syntagma Square**: Dataran ini menjadi lokasi penting bagi acara rasmi dan protes. Ia menghadap Bangunan Parlimen Hellenic dan terkenal dengan upacara pertukaran pengawal.
- **Temple of Olympian Zeus**: Kuil ini dibina khas untuk menghormati Zeus, raja segala dewa dalam mitologi Yunani dan merupakan salah satu kuil paling besar di dunia purba.
- **Panathenaic Stadium**: Dibina sepenuhnya daripada marmar, stadium ini terletak di Athens dan dibina semula pada tahun 1896 untuk Sukan Olimpik moden pertama. Ia asalnya digunakan untuk sukan Panathenaic pada zaman Yunani purba.
- Masa bebas di **Plaka Area** and **Monastiraki Square** sambil membeli-belah cenderamata dan makanan tradisi.

Bermalam di **Athens**.

HARI 03 ATHENS - DELPHI - KALAMBAKA

SP/MM

Lawatan di **Delphi**:

- **Temple of Apollo**: Kuil ini dibina pada abad ke-4 SM dan didedikasikan kepada dewa Apollo. Kini, hanya sebahagian tiang dan struktur asal masih kekal sebagai tinggalan bersejarah.
- **Ancient Theatre**: Terletak di atas Kuil Apollo, teater ini menawarkan pemandangan menakjubkan kawasan sekeliling. Ia digunakan untuk persembahan muzik, drama, dan acara sempena perayaan keagamaan.
- **Stadium**: Digunakan untuk acara sukan semasa Pythian Games — pertandingan sukan suci yang diadakan setiap empat tahun, menyerupai Olimpik.
- **Treasury of the Athenians**: Sebuah bangunan kecil berhias indah yang dibina oleh rakyat Athena untuk menyimpan persembahan kepada Apollo. Ia menunjukkan kekayaan dan penghormatan kota itu terhadap Delphi.

Bermalam di **Kalambaka**.

HARI 04 KALAMBAKA - SKOPJE

SP/MM

Lawatan di **Ohrid**:

- **Old Bazaar of Ohrid** merupakan kawasan pasar bersejarah yang menjadi nadi perdagangan dan sosial sejak zaman Uthmaniyyah. Ia terletak di antara tasik Ohrid dan kubu Tsar Samuel, serta berfungsi sebagai laluan utama yang menghubungkan kawasan kota lama dengan bahagian moden bandar.
- **Ali Pasha Mosque**: merupakan salah satu masjid utama di bandar Ohrid semasa zaman Uthmaniyyah.
- Masa bebas di **Chinar Square** yang terkenal dengan Old Chinar Tree yang berusia lebih 1000 tahun dan membeli-belah di Old Bazaar Street.
- Nikmati pemandangan indah **Lake Ohrid** yang cukup indah dan luas umpama lautan.
- **St. John Kaneo** yang terletak di atas tebing Tasik Ohrid menawarkan pemandangan memukau dan merupakan antara lokasi paling ikonik di Macedonia Utara.

Bermalam di **Skopje**.

HARI 05 SKOPJE - SOFIA

SP/MM

Lawatan di **Skopje**:

- **Stone Bridge**: Jambatan batu yang merentasi Vardar River di tengah kota ini dibina pada tahun 1451.

- **Alexander The Great Statue**: Tugu setinggi 14.5 m ini dibina pada tahun 2011 sempena 20 tahun kemerdekaan Republic of Macedonia.
- Masa bebas di **Macedonia Square** sambil membeli-belah cenderamata dan makanan tradisi di **Old Bazaar**.
- **Daut Pasha Hammam** pernah menjadi antara hamam terbesar di bandar ini dan kini telah diubah suai menjadi Galeri Seni Nasional Macedonia Utara. Ia menjadi tempat pameran seni visual dan acara kebudayaan, mengekalkan nilai warisan sambil memberi nafas baharu kepada struktur bersejarah ini.
- **Old Train Station**: Stesen Keratapi lama dibina pada tahun 1938 dengan hiasan Byzantine.

Lawatan di **Sofia**:

- **Alexander Nevsky Cathedral**: Katedral bergaya Neo-Byzantine ini siap dibina pada tahun 1912 sebagai penghormatan kepada tentera Rusia yang terkorban dalam Perang Pembebasan Bulgaria.
- **Vitosha Mountain**: Gunung ini popular untuk aktiviti mendaki, ski, dan menikmati pemandangan alam semula jadi. Ia juga merupakan taman negara pertama di Balkan, diwartakan pada tahun 1934.
- **Central Market Hall**: Dibuka pada tahun 1911, bangunan bergaya Neo-Renaissance ini menawarkan pelbagai barangan tempatan seperti makanan tradisional, cenderamata, dan hasil tangan.
- **National Palace of Culture**: Bangunan moden ini dibuka pada tahun 1981 sempena ulang tahun ke-1300 Bulgaria dan berfungsi sebagai pusat kebudayaan, pameran, serta konsert terbesar di negara tersebut.
- **Sofia History Museum**: satu institusi budaya terpenting di Bulgaria yang memelihara dan mempamerkan sejarah ibu kota ini dari zaman prasejarah hingga era moden.

Bermalam di **Sofia**.

HARI 06 SOFIA - PLOVDIV

06

ISTANBUL

SP/MM

Lawatan di **Plovdiv**:

- **The Ethnographical Museum**: Terletak di Sofia dan berkongsi bangunan dengan Akademi Sains Bulgaria, muzium ini mempamerkan budaya, pakaian tradisional, dan seni rakyat pelbagai etnik di Bulgaria.
- **The St. Constantine and Elena Church**: Gereja ini dibina pada tahun 1910 dan terkenal dengan seni bina Byzantine serta ikonnya yang indah.
- **The Antique Theatre**: Teater Rom ini dibina pada abad ke-3 dan kini dipamerkan sebagai runtuhan bersejarah di tengah bandar.
- **The Roman Stadium**: Stadium ini dibina pada abad ke-2 M dan pernah menempatkan hingga 30,000 penonton untuk acara sukan dan hiburan pada zaman Rom.

Bermalam di **Istanbul**.

HARI 07 ISTANBUL

07

ISTANBUL

SP/MM

Lawatan di **Istanbul**:

- **Topkapi Palace (First Courtyard)**: Kawasan istana kediaman kesultanan empayar Uthmaniyyah yang menghadap Lautan Marmara siap dibina pada tahun 1465 ketika pemerintahan Sultan Muhammad Al Fatih.
- **Hagia Sofia Grand Mosque**: Merupakan sebuah gereja pada kurun ke-5 sebelum ditukar menjadi masjid selepas penaklukan Constantinople. Menjadi muzium semasa zaman Atatürk dan kini ditukar menjadi masjid semula.
- **Hippodrome**: Kawasan yang pernah menjadi gelanggang lumba kereta kuda pada zaman Byzantine.
- **Blue Mosque**: Merupakan ikon kota Istanbul dibina pada tahun 1616 dengan 6 buah menara dan 5 kubah besar.
- **Spice Bazaar** adalah salah satu pasar paling terkenal di Istanbul yang terkenal dengan aroma rempah yang memikat, warna-warni barangan, dan suasana yang menggambarkan kehidupan harian zaman Uthmaniyyah.
- Membeli-belah di **Grand Bazaar** yang merupakan antara pasar yang terbesar dan tertua di dunia dibina bermula pada tahun 1455 lagi dengan sejumlah lebih 4,000 buah kedai.

Bermalam di **Istanbul**.

HARI 08 ISTANBUL - SHARJAH - KUALA LUMPUR

08

KUALA LUMPUR

SP

Menaiki penerbangan pulang ke Kuala Lumpur.

HARI 09 KUALA LUMPUR

09

KUALA LUMPUR

Tiba di Kuala Lumpur.

PERTUKARAN MATA WANG



PERBEZAAN WAKTU

Macedonia & Bosnia: GMT+2

Greece & Bulgaria: GMT+3

Malaysia: GMT+8



Musim Panas:

Jun - Ogos



Musim Luruh:

Sept - November



Musim Sejuk:

Disember - Feb



Musim Bunga:

Mac - Mei



TOUR HIGHLIGHTS

1.

LAKE OHRID

Merupakan salah satu tasik paling dalam dan tertua di Eropah dan dunia. Ia menjadi rumah kepada lebih 200 spesies endemik termasuk ikan trout Ohrid yang jarang dijumpai.

2.

TEMPLE OF OLYMPIAN ZEUS

Kuil ini dibina sebagai penghormatan kepada Zeus, raja segala dewa dalam mitologi Yunani. Dengan ketinggian 17 meter, ia pada asalnya memiliki 104 tiang, namun hanya 16 daripadanya yang masih kekal hingga hari ini.

3.

THE ANTIQUE THEATRE

Merupakan antara teater Rom kuno yang paling terpelihara di dunia dan masih digunakan untuk persembahan sehingga hari ini.

4.

HAGIA SOPHIA GRAND MOSQUE

Merupakan sebuah gereja pada kurun ke-5 sebelum ditukar menjadi masjid selepas penaklukan Constantinople. Menjadi muzium semasa zaman Atatürk dan kini ditukar menjadi masjid semula.

Hotel Penginapan 4★ Hotel

BANDAR	BIL. MALAM
Athens	2 Mlm
Kalambaka	1 Mlm
Skopje	1 Mlm
Sofia	1 Mlm
Istanbul	2 Mlm

Harga Pakej Termasuk

- Tiket penerbangan kelas ekonomi termasuk surcaj minyak dan cukai penerbangan.
- Penginapan hotel bertaraf 4★ sepanjang lawatan termasuk cukai bandar (city taxes).
- Sarapan pagi di hotel dan makan malam sepanjang lawatan mengikut aturcara.
- Pengangkutan bas persiaran berhawa dingin yang selesa.
- Perkhidmatan tour leader dan tour guide yang terlatih professional.
- Tip untuk tour guide dan pemandu bas persiaran.

Jadual Penerbangan

AirArabia

HARI	PESAWAT	SEKTOR	ETD	ETA
1	G9 801	KUL - SHJ	0940	1315
2	G9 818	SHJ - ATH	1845	2215
8	G9 322	IST - SHJ	1435	1955
8	G9 800	SHJ - KUL	2145	0840+1

Harga Pakej Tak Termasuk

- Surcaj tambahan ketika waktu perayaan, puncak dan cuti sekolah.
- Servis tambahan di hotel seperti snek, mini bar, dobi dan porter.
- Makan minum, tiket masuk lawatan dan tempat lawatan selain dari yang dinyatakan.
- Bayaran tambahan lebihan had bagasi penerbangan.
- Perkara lain yang tidak dinyatakan di dalam aturcara program dan pakej termasuk.